

Contohi cara Tun Razak bangun negara

Sumbangan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dalam pembangunan negara dapat dilihat sejak zaman sebelum Merdeka. Legasi ditinggalkan selaku Bapa Pembangunan empat dekad lalu, nyata masih utuh dan relevan dalam membangunkan nasib rakyat pelbagai kaum.

Ketika itu Tun Razak bersama Perdana Menteri Malaysia Pertama, Tunku Abdul Rahman berserta Delegasi Kemerdekaan berjuang mendapatkan kemerdekaan Negara daripada British sejak tahun 1950. Tanah Melayu ketika itu berada di bawah jajahan kolonial British. Delegasi Kemerdekaan inilah yang bekerja siang dan malam demi memerdekakan negara daripada cengkaman penjajah.

Tun Razak adalah orang pertama dilantik sebagai Menteri Pelajaran, pada tahun 1955 dan membawa banyak perubahan dalam bidang pendidikan termasuk membabitkan sukatan pelajaran dan isu berkaitan Bahasa Melayu.

Sebagai Menteri Pelajaran pertama, Tun Razak membentuk Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dikenali sebagai Penyata Razak 1956. Penyata ini yang diumumkan pada 16 Mei 1956 digubal bertujuan me-



ngubah corak pembelajaran murid. Beberapa perkara yang terkandung di dalamnya adalah untuk menyelaraskan sukatan pelajaran semua aliran sekolah di negara ini serta mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran di pusat pendidikan serta menyemarakkan keharmonian kaum dari peringkat kanak-kanak lagi.

Basmi kemiskinan

Dasar Ekonomi Baharu diperkenalkan Tun Razak pada pertengahan 1971 untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan semua kaum dan menyusun semula aktiviti ekonomi ke arah pembahagian kekayaan negara yang lebih saksama. Beliau melihat begitu perlunya penyele-

saan perbezaan jurang ekonomi dan sosial yang dihadapi mangsa perkauman.

Ketika kepemimpinannya, Tun Razak melihat perubahan terhadap penyertaan Bumiputera di dalam sektor ekonomi secara lebih pesat khususnya dengan penubuhan agensi seperti MARA dan PERNAS hasil daripada cadangan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan. Setiap pembangunan yang pesat ini mendapat sokongan padu serta usaha oleh Tun Razak sendiri.

Pakar perkhidmatan awam
Menurut Canselor Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Tun Razak adalah pakar perkhidmatan awam dan dasar luar negara.

Di bawah pentadbirannya juga, pelbagai institusi diperkenalkan untuk membangunkan masyarakat dan negara termasuk FELDA, FELCRA (Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan), MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda), KESEDAR (Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan) dan LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang).

Malaysia mula memberi penekanan kepada dasar berkecuali (*non-aligned*) dan menjadi ahli Pergerakan Negara-

Negara Berkecuali (NAM) pada tahun 1970.

Beliau menggesa Malaysia mengamalkan sikap berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira fahaman dan ideologi. Hubungan diplomatik dijalin dengan China dan negara Indochina di samping meningkatkan kerjasama ASEAN.

Pada masa sama, Malaysia memberi penekanan kepada konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dan South East Asia Nuclear Weapon Free Zone (SEANWFZ).

Ketika kepemimpinannya juga, Malaysia menganggotai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan mula dikenali sebagai negara Islam.

Malaysia hari ini menjadi contoh negara berbilang kaum yang harmoni. Keadaan ini tidak dapat dicapai tanpa usaha gigih dan bersungguh-sungguh. Maka rakyat sentiasa mengharapkan agar barisan pemimpin yang dipilih rakyat dapat menjalankan tugas dengan baik. Tadbir urus yang baik atau *good governance* perlu diperkasakan agar kemakmuran hidup dapat dikecapi bersama.



Dr Nurkhamimi

Zainuddin,
Fakulti Pengajian
Bahasa Utama USIM.